

**BACAAN *SILAH MIM JAMA'* DALAM QIRAAT SAB'AH TORIQ AL  
SYATIBI:KAJIAN HUBUNGAN BACAANYA DENGAN NAHU ARAB**

Mohammad Shahrin Baharuddin<sup>1</sup>, Muhamad Helmi Ismail<sup>2</sup>  
<sup>1,2</sup> Kolej Islam Teknologi Antarabangsa, KITAB, Pulau Pinang,  
Malaysia.

Email: [drshahrin@kitab.edu.my](mailto:drshahrin@kitab.edu.my)

**ABSTRAK**

Al Quran diturunkan kepada Nabi SAW dalam Bahasa Arab dengan pelbagai bacaan Qiraat. Salah satu jenis perbezaan tersebut ialah bacaan Mim Jama' selepas *Ha*, terdapat perbezaan Qiraat Antara Qurra'. Bagi bacaan Qiraat Imam Ibn Kathir dan Qiraat Imam Nafi' melalui riwayat bacaan Qalun dan Warsy ada bacaan *Silah* sementara Qurra' yang lain membaca dengan sukun. Tujuan kajian ini ialah mengenal pasti *Silah Mim Jama'* Dalam Qiraat Sab'ah Toriq Al Syatibi yang berbeza *Qiraat* pada *Dhomir* **هم**, adakah ia mempunyai kaitan dengan Nahu Bahasa Arab dan memberi kesan kepada sudut makna penafsiran makna Al Quran. Bagi mencapai tujuan tersebut, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dengan mengambil kitab-kitab Tafsir dan *Qiraat* untuk menganalisa perbezaan tersebut. Hasil kajian mendapati kalimah **هم** dengan baris *Dhommah*, *kasrah* pada huruf *Ha* dan *Silah Mim Jama'* tidak bercanggah dengan Nahu Bahasa Arab kerana syarat *Qiraat* yang diriwayatkan daripada baginda Nabi SAW ialah tidak bercanggah dengan Bahasa Arab. Selain itu, kedua-dua jenis bacaan tersebut diambil daripada imam *Qiraat* dengan sanad yang bersambung dengan Nabi SAW. Oleh itu, para pembaca yang menguasai ilmu bacaan *Qiraat* tersebut boleh memilih jenis bacaan kalimah **هم** sama ada dengan baris *Dhommah*, *Kasrah* Dan *Silah Mim Jama'* dengan bersandarkan sanad *Qiraat* Imam yang meriwayatkan bacaan tersebut.

Kata Kunci : Qiraat Sab'ah, *Silah Mim Jama'*, Nahu Bahasa Arab

## PENDAHULUAN

*Qira'at* dari sudut bahasa ialah bentuk *jama'* dari perkataan *Qira'ah*. Ia merupakan kata terbitan daripada Fi'l madhi *Qara'a*.

*Qira'at* menurut istilah pula ialah: “Ilmu mengenai cara membaca lafaz-lafaz al-Qur'an serta perbezaan cara membacanya mengikut gaya bacaan orang yang menaqalkannya”<sup>1</sup>.

Antara Imam-imam *Qira'at* tujuh ialah Nafi' (wafat 169 hijrah), Ibnu Kathir (wafat 127 hijrah), Abu 'Amru (wafat 154 hijrah), Ibnu 'Aamir (wafat 118 hijrah), 'Aasim (wafat 127 hijrah), Hamzah (wafat 156 hijrah), Kisaie (wafat 189 hijrah).

Perbezaan bacaan dalam kalangan imam *qira'at* tidak menyebabkan berlawanan dari sudut makna al-Qur'an. Perselisihan ini merupakan kebenaran dari hadis nabi iaitu al-Qur'an diturunkan dalam tujuh huruf.

Walaupun terdapat banyak pandangan ulama memberi definasi maksud tujuh huruf, penulis memilih pandangan al-Razi iaitu tujuh jenis perubahan bacaan.

Sesungguhnya pendapat ini tidak mempunyai kelemahan dan kekurangan seperti pandangan yang lain, terdapat kemungkinan untuk menolaknya kerana mempunyai kelemahan<sup>2</sup>.

Selain itu, pendapat ini juga merupakan hasil penyelidikan dan kajian yang mendalam dengan memerhatikan jenis-jenis bacaan *Qira'at* dengan tujuh perubahan yang dikemukakan. Pendapat-pendapat lain, penyelidikan dan penelitiannya kurang mendalam.<sup>3</sup>

## METODOLOGI KAJIAN

Metode yang digunakan dalam sesuatu kajian adalah amat penting dan mempunyai kebolehpercayaan terhadap dapatan kajian tersebut. Bagi menjalankan kajian ini, ketepatan maklumat adalah penting dan diperlukan bagi memastikan dapatan dari kajian ini

---

<sup>1</sup> Mohammad Salim Muhsin, 1417/1997 *al-Hadi Sharah Toibah al-Nashr Fi al-Qira'at al-'Ashar Wa al-Kashaf 'An 'ilal al-Qira'at Wa Taujihuha*. Jil.1. Beirut: Dar al-Jil.

<sup>2</sup> Sya'ban Muhammad Ismail.1993.*Mengenal Qira'at al-Qur'an*.hlm.49.Indonesia:Dina Utama Semarang.

<sup>3</sup> Ibid.

dapat memberi impak kepada kajian-kajian ilmu Qiraat.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Metode. Kepustakaan dengan memilih Kitab Tafsir Abu Hayyan Al Andalusi, *Tafsir Al Bahru Almuhit* Juz 1, sebagai rujukan utama dalam aspek Tafsir dan hubungannya dengan Nahu Bahasa Arab. Di samping itu, Kitab Qiraat Abdul Fattah Al Qadhi, *Al Wafi FI Syarah al Syatibiyyah Fi Al Qiraat al Sab'ah* dijadikan rujukan dalam aspek perbezaan Qiraat.

Sebagai penambahan dan menguatkan hasil dapatan kajian ini, Pengkaji juga menganalisis kitab-kitab sejarah perbezaan Qiraat bagi mengenalpasti kesan perbezaan tafsir terhadap perbezaan bacaan Qiraat dalam aspek tafsir Al Quran.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Sejarah Pengumpulan Qira'at Sab'ah**

#### **1. Peringkat Riwayat Secara Syafawi.**

Pada masa ini, al-Qur'an diturunkan kepada Nabi selama 23 tahun dan para sahabat menghafaz dan ada dikalangan mereka menulisnya.

##### **a. Penulisan al-Qur'an Zaman Nabi S.A.W**

Ketika ayat al-Qur'an turun kepada Nabi, baginda menyuruh penulis wahyu untuk menulis ayat-ayat tersebut di hadapan baginda. Antara salah seorang penulis wahyu baginda yang mashur ialah Zaid Bin Thabit. Setelah baginda Nabi wafat, al-Qur'an terpelihara didada sahabat iaitu para sahabat menghafaz kesemua ayat-ayat tersebut dan tertulis dengan tujuh huruf secara tidak tersusun pada tulang-tulang, kulit kerana kekurangan kertas ketika itu<sup>1</sup>.

##### **b. Penulisan al-Qur'an Zaman Abu Bakar**

Ketika Abu Bakar menjadi khalifah selepas kewafatan Nabi, berlaku satu peperangan dengan golongan-golongan murtad. Dalam peperangan tersebut ramai para penghafaz al-Qur'an mati syahid. Bilangan mereka yang syahid dalam peperangan tersebut sebanyak tujuh puluh orang. Peperangan tersebut ialah peperangan Yamamah. Pada ketika itu, Umar al-khattab merasa takut kerana ramai para penghafaz al-Qur'an mati syahid.

Beliau telah memberi cadangan kepada Abu Bakar untuk mengumpul al-Qur'an dalam satu mashaf. Pada peringkat awal beliau menolak cadangan pengumpulan al-Qur'an dalam satu mashaf kerana ia tidak dilakukan pada masa nabi masih hidup. Selepas perbincangan panjang,

---

<sup>1</sup>Al-Qattan Manna<sup>c</sup>.1418H/1998.*Mabahis Fi Ulum al-Qur'an*.hlm110.Beirut Lubnan : Muassah al-Risalah

beliau bersetuju dengan cadangan tersebut dan melantik Zaid Bin Thabit untuk melakukan tugas tersebut<sup>1</sup>. Kemudian al-Qur'an tersebut di simpan oleh Abu Bakar. Setelah Abu Bakar wafat ia disimpan oleh Umar dan akhirnya ia disimpan bersama Hafsa Bint Umar.

## 2. Peringkat Penyalinan al-Qur'an Zaman Uthman

### a. Penulisan al-Qur'an Zaman Uthman Bin Affaan.

Pada zaman Umar, Negara Islam semakin berkembang, umat islam semakin ramai. Maka pemimpin-pemimpin Negara Islam meminta dari Umar guru-guru untuk mengajar al-Qur'an. Maka Umar telah mengarah Abu Musa al-Asy'ari ke Basrah, Abdulllah Bin Mas'ud ke Kufah, Mu'az Bin Jabal ke Palastin dan Abu Darda' ke Dimasq. Kemudian pengajian ini terus berkembang dengan cara bacaan masing-masing. Ketika Uthman memerintah, para sahabat membaca al-Qur'an mengikut apa yang mereka pelajari dari Nabi dengan tujuh huruf dan oleh kerana itu, terdapat perbezaan bacaan dikalangan mereka dan masing-masing mempelajari dan mengambil bacaan dari Nabi S.A.W.

Apabila keadaan berlaku demikian, mereka yang mempelajari bacaan al-Qur'an dari guru masing-masing telah berbalah dan menyalahkan bacaan antara satu dengan yang lain. Terdapat di kalangan mereka yang mengkafirkan sesama mereka kerana perbezaan bacaan tersebut. Apabila Uthman melihat keadaan tersebut boleh memecah belahkan umat islam, beliau telah mengarahkan empat orang iaitu Zaid Bin Thabit, Abdullah Bin Zubair, Sa'id Bin al-Ass dan Abd al-Rahman Bin Harith Bin Hisham untuk melakukan tugas penyalinan al-Qur'an dengan tulisan bahasa arab Quraish.

Uthman telah menyalin sebanyak enam mashaf, satu daripadanya dihantar ke Makkah dipimpin oleh Abdullah Bin Sa'ib, mashaf kedua dihantar ke Sham dipimpin oleh Mughirah Bin Syihab, mashaf ketiga dihantar ke Basrah dipimpin oleh A'mir Bin Qais, mashaf keempat dihantar ke Kuffah dipimpin oleh Abu Abdul Rahman al-Sulami, dan satu mashaf ditinggalkan disisi Zaid Bin Thabit di Madinah al-Munawwarah. Setiap umat islam ketika itu diperintah membaca al-Qur'an mengikut imam-imam mereka<sup>2</sup>.

## 3. Peringkat Mengumpul Qira'at kepada tujuh imam.

Imam Abu Bakar Ahmad Bin Mujahid al-Tamimi al-Baghdadi menulis sebuah kitab yang bertajuk *al-Sab'ah Fi al-qira'at*. Beliau orang pertama mengumpulkan tujuh imam-imam qira'at yang mashur dan sohih. Beliau menyusun bacaan qira'at mengikut rukun-rukun Qir'at untuk membezakan riwayat yang sohih dan riwayat syaz. Antara syarat-syaratnya ialah:

---

<sup>1</sup> Ahmad Khalid Syukri.1422H/2001.*Muqaddimat Fi ilmu al-Qira'at*.hlm.33.Amman Jordan : Dar Ammar.

<sup>2</sup> Tawfiq Ibrahim Dhomroh.1427H/2006.*Ahsan al-Bayan Syarah Turuq al-Toyyibah Bi riwayat Hafsa B. Sulaiman*.hlm.17.Amman Jordan : Dar Ammar.

1. Bacaan Qira'at metilah diriwayatkan secara mutawatir
2. Bacaan Qira'at selari dengan Resam Uthmani
3. Bacaan Qira'at selari dengan Nah' Bahasa Arab.

Imam Mujahid telah mengumpulkan tujuh orang imam Qira'at yang terkenal dan dipilih setiap seorang imam dua orang perawi seperti berikut.

1. Nafi<sup>c</sup> Bin Abdul Rahman Bin Abu Nu'aim al-Laitsi.

Dua orang rawinya ialah:

- a. Qalun: Isa Bin Mina Bin Wardaan Bin Isa Bin Abdul al-somad.
- b. Warasy: Uthman Bin Said Bin Abdullah, Abu Said al-Misriy

2. Abdullah Bin Kathir Abu Ma<sup>c</sup>bad al-Makkiy al-Dari al-<sup>c</sup>Ator

Dua orang rawinya ialah:

- a. Al-Bazi: Ahmad Bin Mohammad Bin Abdullah Bin al-Qasim Bin Nafi<sup>c</sup>.
- b. Qunbul: Mohammad Bin Abdul Rahman bin Khalid bin said al-Mahkzumi

3. Zabban Bin al-<sup>c</sup>Ala Bin al-<sup>c</sup>Ariyana al-Tamimi al-Basri, Abu Amr.

Dua orang rawinya ialah:

- a. Al-Duri: Hafs Bin <sup>c</sup>Umar Bin Abdul Aziz.
- b. Al-Susi: Solih Bin Ziyad bin Abdullah, Abu Syuaib al-Susi.

4. Abdullah Bin Amir al-Syami

Dua orang rawinya ialah:

- a. Hisham Bin Ammar Bin Na'sir Bin Maisarah al-Dimasqi.
- b. Ibn Zakwan: Abdullah Bin Ahmad Bin Bashir Bin Zakwan

5. <sup>c</sup>Asim Bin Abu Nujud al-Asadi al-Kufi

Dua orang rawinya ialah:

- a. Syu<sup>c</sup>bah: Abu Bakar syu<sup>c</sup>bah Bin <sup>c</sup>Ayyash Bin Salim al-kufi al-Asadi
- b. Hafs Bin Sulaiman Bin al-Mughirah Abu Umar al-kufi.

6. Hamzah Bin Habib Bin <sup>c</sup>Ammarah al-Ziyat al-kufi.

Dua orang rawinya ialah:

- a. Kholaf Bin Hisham Bin Tha<sup>c</sup>lab Bin al-Bazzar Abu Mohammad al-Asadi al-Baghdadi.
- b. Kholad Bin Kholid Abu <sup>c</sup>Isa al-Syabani.

7. Ali Bin Hamzah Bin Abdullah Bin Bahman bin Fairuz al-Asadi, Abu al-Hasan al-Kisai.

Dua orang rawinya ialah:

- a. Abu al-Harith al-lais bin kholid al-Baghdadi
- b. Hafs Bin Umar Bin Abdul Aziz.

Imam Abu Mohammad al-Qasim al-Syatibi mengarang kitab yang mengumpulkan tujuh imam-imam Qira'at dan cara bacaan mereka yang di riwayat secara mutawatir dari nabi S.A.W dalam bentuk qasidah. Kitab ini berjudul *Hirz al-Amani Wa Wajh al-Tahani*.

Usaha al-Syatibi mengumpul qira'at tersebut merupakan kesinambungan apa yang telah dilakukan oleh Imam Mujahid. Kemudian kitab al-Syatibi ini terus berkembang secara meluas di seluruh dunia Islam kerana para ulama' telah menghuraikan isi kandungan kitab tersebut dan menghafaz serta menggunakannya sebagai kitab pengajian kepada bidang qira'at sab'ah.

#### **Dhamir Silah Mim Jama'**

هُمُ ضَمِيرُ جَمْعِ غَائِبٍ مُذَكَّرٍ عَاقِلٍ، وَيَكُونُ فِي مَوْضِعِ رَفْعٍ وَنَصْبٍ وَجَرٍّ. وَحَكَى اللُّغَوِيُّونَ فِي عَلَيْهِمْ عَشْرَ لُغَاتٍ  
ضَمُّ الهَاءِ، وَإِسْكَانُ المِيمِ، وَهِيَ قِرَاءَةُ حَمَزَةً. وَكَسْرُهَا وَإِسْكَانُ المِيمِ، وَهِيَ قِرَاءَةُ الجُمُهورِ. وَكَسْرُ الهَاءِ وَالمِيمِ  
وَيَاءَ بَعْدَهَا، وَهِيَ قِرَاءَةُ الحُسْنِ. وَزَادَ ابْنُ مُجَاهِدٍ أَنَّهَا قِرَاءَةُ عُمَرَ بْنِ فَائِدٍ. وَكَذَلِكَ بِغَيْرِ يَاءٍ، وَهِيَ قِرَاءَةُ عَمْرٍو  
بِنِ فَائِدٍ. وَكَسْرُ الهَاءِ وَضَمُّ المِيمِ وَوَاوُ بَعْدَهَا، وَهِيَ قِرَاءَةُ ابْنِ كَثِيرٍ، وَقَالُونَ بِخِلَافٍ عَنْهُ. وَكَسْرُ الهَاءِ وَضَمُّ  
المِيمِ بِغَيْرِ وَاوٍ وَضَمُّ الهَاءِ وَالمِيمِ وَوَاوُ بَعْدَهَا، وَهِيَ قِرَاءَةُ الأَعْرَجِ وَالحُقَافِ عَنْ أَبِي عَمْرٍو. وَكَذَلِكَ بِدُونِ وَاوٍ  
وَضَمِّ الهَاءِ وَكَسْرِ المِيمِ بِيَاءٍ بَعْدَهَا. كَذَلِكَ بِغَيْرِ يَاءٍ. وَقُرِئَ بِهِمَا، وَتَوْضِيحُ هَذِهِ القِرَاءَاتِ بِالْحَطِّ  
وَالشَّكْلِ: عَلَيْهِمْ، عَلَيْهِمْوَا، عَلَيْهِمْ، عَلَيْهِمْ، عَلَيْهِمْ، عَلَيْهِمْ، عَلَيْهِمْوَا. وَمُلَخَّصُهَا

ضَمُّ الْهَاءِ مَعَ سُكُونِ الْمِيمِ، أَوْ ضَمُّهَا بِإِشْبَاعٍ، أَوْ دُونَهُ، أَوْ كَسْرُهَا بِإِشْبَاعٍ، أَوْ دُونَهُ وَكَسْرُ الْهَاءِ مَعَ سُكُونِ

الْمِيمِ، أَوْ كَسْرُهَا بِإِشْبَاعٍ، أَوْ دُونَهُ، أَوْ ضَمُّهَا بِإِشْبَاعٍ، أَوْ دُونَهُ،<sup>1</sup>

(هم) ialah Kata Ganti Diri *Jama' Ramai Ghai'ib* untuk Lelaki yang berakal. Ia boleh diletakkan di tempat Rafa', Nasob, dan Jar. Ahli Bahasa berkata, terdapat 10 Gaya Bahasa pada kalimah (عليهم). Imam Hamzah membaca dengan Dhommah huruf (◌) dan Sukun (◌). Manakala Qiraat Jumhur membaca dengan Kasrah huruf (◌) dan Sukun (◌). Bacaan Imam Hasan ialah Kasrah (◌) dan Sukun (◌) dan terdapat (ي) selepas (◌), manakala Imam Umar Bin Faiz membaca Kasrah (◌) dan Sukun (◌) tanpa (ي) selepas (◌). Imam Ibn Kathir dan Qalun membaca dengan Kasrah huruf (◌) dan Dhommah (◌) serta terdapat (و) selepas (◌). Antara 10 jenis bacaan dalam kalimah tersebut ialah seperti berikut:

1. عَلَيْهِمْ، عَلَيْهِمُوا، عَلَيْهِمْ، عَلَيْهِمِي، عَلَيْهِمْ، عَلَيْهِمْ، عَلَيْهِمْ، عَلَيْهِمُوا

Menurut Tafsir *alBahru alMuhit* dalam kitab tafsir Abu Hayyan berdasarkan teks seperti di atas, dapat difahami seperti berikut:

1. Qiraat Imam Hamzah membaca dengan Dhommah huruf (◌) dan Sukun (◌) عَلَيْهِمْ
2. Qiraat Imam Ibn Kathir dan Qalun membaca dengan Kasrah huruf (◌) dan Dhommah (◌) serta terdapat (و) selepas (◌) عَلَيْهِمُوا
3. Qiraat Jumhur ialah membaca dengan Kasrah huruf (◌) dan Sukun (◌) عَلَيْهِمْ
4. Terdapat 10 jenis bacaan yang tidak bertentangan dengan Bahasa Arab iaitu seperti berikut:

1. عَلَيْهِمْ،

2. عَلَيْهِمْ،

<sup>1</sup> Abu Hayyan Al Andalusi, *Tafsir AlBahru AlMuhit* Juz 1, Darul Kutub Ilmiah : Lubnan

3. عَلَيْهِمُ،

4. عَلَيْهِمْ،

5. عَلَيْهِمِي،

6. عَلَيْهِمِ،

7. عَلَيْهِمُ،

8. عَلَيْهِمِي،

9. عَلَيْهِمِ،

10. عَلَيْهِمُوا

Menurut Abdul Fattah Qadhi dalam Kitabnya *Al Wafi* Syarah kepada *Matn Syatibiyah* Dalam Qiraat Sab' menyatakan bacaan Imam Qiraat Sab' dalam *Silah Mim Jama'* ialah seperti berikut<sup>1</sup>:

1. Imam Hamzah membaca kalimah لَدَيْهِمْ، إِلَيْهِمْ، عَلَيْهِمْ dengan Dhommah huruf (هـ) dan Sukun (م) عَلَيْهِمْ ketika waqaf dan sambung pada semua perkataan berikut dalam Al Quran sama ada selepas huruf (م) berbaris atau tidak berbaris.
2. Imam Ibn Kathir membaca dengan Kasrah huruf (هـ) dan Dhommah (م) serta terdapat (و) selepas (م) عَلَيْهِمُوا sama ada selepas huruf (م) berbaris atau tidak berbaris.

---

<sup>1</sup> Abdul Fattah Al Qadhi, 1996, *Al Wafi FI Syarah al Syatibiyyah Fi Al QIraat al Sab'*, Maktabah Dar Al Madinah Al Munawwarah : Madinah



3. Imam Qalun membaca ketika (*Wasol*) sambung sahaja dengan dua wajah iaitu Sukun Huruf (◌) عَلَيْهِمْ dan bacaan Silah Mim Jama' عَلَيْهِمْوَا.
4. Imam Warsh membaca dengan Silah Mim Jama' عَلَيْهِمْوَا sekiranya selepas Mim Jama' terdapat huruf hamzah (ء) Qato'
5. Imam Qiraat Sab' selain daripada Imam Hamzah, Imam Qalun, Imam Warsh dan Ibn Kathir membaca dengan Kasrah huruf (◌) dan Sukun (◌) عَلَيْهِمْ.

## KESIMPULAN

Menurut Tafsir Abu Hayyan, *Dhomir* عَلَيْهِمْ dibaca dengan 10 jenis bacaan yang berbeza barisnya menurut ahli Bahasa Arab. Manakala menurut Imam Qiraat Sab'ah, Jumhurnya membaca dengan kasrah ◌ dan Sukun ◌. Imam Hamzah membaca dengan Dhommah ◌ dan sukun ◌. Begitu juga riwayat Imam Ibn Kathir, Qalun dan Warsh meriwayatkan bacaan Kasrah huruf (◌) dan Dhommah (◌) serta terdapat (◌) selepas (◌) عَلَيْهِمْوَا. Bagi menjawab persoalan kajian ini, iaitu mengenal pasti *Silah Mim Jama'* Dalam Qiraat Sab'ah Toriq Al Syatibi yang berbeza *Qiraat* pada *Dhomir* هَمْ, Adakah ia mempunyai kaitan dengan Nahu Bahasa Arab, jelas menunjukkan bahawa ia mempunyai kaitan dengan Nahu Bahasa Arab. Pelbagai Qiraat yang diriwayatkan daripada Qiraat Imam Sab'ah telah ditentukan syaratnya iaitu selari dengan Nahu Bahasa Arab. Selain itu, pelbagai jenis bacaan dalam kalimah *Silah Mim Jama'* tidak memberi kesan kepada pentafsiran Al Quran. Selain itu, Perbezaan bacaan ini memudahkan bacaan Al Quran dalam kalangan bangsa Arab dan bukan Arab yang mempunyai pelbagai jenis dialek bacaan.

## RUJUKAN

Abdul Fattah Al Qadhi, 1996, *Al Wafi FI Syarah al Syatibiyyah Fi Al Qiraat al Sab'*, Maktabah Dar Al Madinah Al Munawwarah: Madinah

Abu Hayyan Al Andalusi, *Tafsir AlBahru Almuhit* Juz 1, Darul Kutub Ilmiah: Lubnan

Ahmad Khalid Syukri.1422H/2001. *Muqaddimat Fi ilmu al-Qira'at*. Amman Jordan: Dar Ammar.

Al-Qattan Manna<sup>c</sup>. 1418H/1998. *Mabahis Fi Ulum al-Qur'an*. Beirut Lubnan : Muassah al-Risalah.

Mohammad Salim Muhsin, 1417/1997. *al-Hadi Sharah Toibah al-Nashr Fi al-Qira'at al-<sup>c</sup>Ashar Wa al-Kashaf<sup>c</sup>An <sup>c</sup>ilal al-Qira'at Wa Taujihuha*. Jil.1. Beirut: Dar al-Jil.

Sya<sup>c</sup>ban Muhammad Ismail. 1993. *Mengenal Qira'at al-Qur'an*. Indonesia: Dina Utama Semarang.

Tawfiq Ibrahim Dhomroh.1427H/2006. *Ahsan al-Bayan Syarah Turuq al-Toyyibah Bi riwayat Hafis B. Sulaiman*, Amman Jordan: Dar Ammar.